



جائزہ کے جوائن اسلام ملبسیا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000  
Faks : 603-8870 7707  
Portal Rasmi : [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Ruj. Kami : JAKIM.BPI. 600.3/1/1353(30)  
Tarikh : 16 Oktober

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Tuan/Puan,

**PROSEDUR PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN KEPADA PENERIMA SKIM  
PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan SPH bil.2/2017 yang telah diadakan pada 13 Oktober 2017 memutuskan bahawa, yuran pengajian setiap semester akan dimasukkan ke dalam akaun pelajar dan pelajar hendaklah membayar sendiri yuran tersebut kepada pihak Bendahari Universiti.

3. Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Pembayaran Yuran Pengajian kepada pelajar bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz yang wajib dipatuhi oleh penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH). Prosedur ini boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**. Pihak tuan/puan juga hendaklah memuat naik bukti pembayaran yuran tersebut secara atas talian di alamat <http://sph.islam.gov.my> dengan masuk sebagai penerima (*login penerima*).

4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, *wassalam*.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJAH ZAWANAH BINTI MUHAMMAD)**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Insan  
b.p Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

---

**PROSEDUR PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN BAGI  
PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

---

**TUJUAN**

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara pembayaran yuran pengajian untuk setiap semester bagi pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

**LATAR BELAKANG**

2. Prosedur pembayaran yuran pengajian ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar yang akan membayar yuran pengajian setiap semester kepada pihak Bendahari Universiti.
3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara pembayaran yuran pengajian setelah pihak SPH memasukan sejumlah wang ke dalam akaun pelajar sebagaimana yang telah diarahkan.

## TATACARA PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN

1. Para Pelajar yang akan membayar yuran pengajian hendaklah melalui proses berikut :

- 1.1 Mendapatkan baucer/penyata yuran pengajian setiap semester yang dikeluarkan oleh Bendahari Universiti.
- 1.2 Mengemukakan kepada urus setia SPH sama ada melalui serahan tangan / pos / email dalam tempoh satu (1) minggu daripada baucer dikeluarkan (kecuali untuk permohonan SPH yang baru bagi tahun pengajian yang ditawarkan).
- 1.3 Kegagalan pelajar menyerahkan baucer/penyata yuran dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan yuran dan elaun sara hidup pelajar tidak dibayar.
- 1.4 Bayaran akan didebitkan ke dalam akaun pelajar setelah urus setia berpuas hati dengan dokumen yang diterima.
- 1.5 Pelajar perlu membuat bayaran yuran kepada pihak Universiti dan mengemukakan resit asal kepada pihak urus setia SPH.
- 1.6 Urus setia akan mengeluarkan notis / surat amaran sekiranya pelajar tidak mengemukakan baucer/penyata pada semester berkenaan boleh menyebabkan yuran dan elaun sara hidup pada semester akan datang tidak dibayar.

## PINDAAN

2. Apa-apa pindaan kepada prosedur ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jakim.